

Meraikan Komuniti di Zurich Malaysia Karnival Kita OK!

Mewujudkan masa depan yang lebih cerah bersama komuniti, kreativiti, dan perubahan

Kuala Lumpur, 27 September 2023 – Zurich Malaysia (Zurich) dengan besar hatinya melabuhkan tirai Karnival Kita OK! yang diadakan di Pasar Seni dari 22 hingga 24 September lalu, sebagai sebahagian daripada pelancaran kempen 'Lindungi Segala Perkara Yang Bermakna'. Karnival tersebut menggambarkan semangat Malaysia dalam meraikan komuniti, kreativiti, serta perubahan positif, dan disertai lebih daripada 36,000 pengunjung selama 3 hari.



Erin Hwang, Ketua Pemasaran Jenama & Komunikasi Zurich Malaysia berkata, “Karnival Kita OK! merupakan inisiatif pertama yang signifikan dalam meraikan kempen ‘Lindungi Segala Perkara Yang Bermakna’. Peluang menganjurkan karnival ini di salah satu mercu tanda ikonik di Malaysia adalah satu penghormatan besar, dan kami berterima kasih kepada semua yang turut sama menyertai kemeriahan, hiburan, dan aktiviti bermakna.”

Menghulurkan sokongan dan sumbangan kepada masyarakat

Karnival Kita OK! menghimpunkan pelbagai vendor tempatan yang menawarkan pilihan barangan koleksi peribadi, aksesori buatan tangan, pakaian, serta snek, dan kudapan. Zurich Malaysia berikrar untuk mendermakan semua yuran sewa vendor yang dikumpulkan untuk sumbangan komuniti yang bermakna - jumlah sumbangan keseluruhan adalah sebanyak RM25,250.

Zurich Malaysia juga bekerjasama dengan Sunway Home Healthcare untuk menyediakan pemeriksaan kesihatan percuma buat pengunjung Karnival Kita OK!. Sekitar 100 pengunjung memperoleh manfaat daripada pemeriksaan percuma tersebut yang meliputi bacaan tekanan darah, pemantauan glukosa dan penilaian Indeks Jisim Badan (BMI) yang diselia oleh jururawat daripada pasukan Sunway Home Healthcare.

Melindungi kesihatan, kewangan dan planet

Sepanjang hujung minggu lalu, terdapat beberapa bengkel menarik dan bermanfaat yang mencatatkan 116 pendaftaran, termasuk fotografi, kewangan peribadi, pembuatan minuman daripada campuran tumbuhan, pembangunan kerjaya, dan lukisan batik. Zurich Malaysia juga mengetengahkan proposisi

Siaran Media

27 September 2023



nilai inovatif dan sentrik pelanggan mereka dengan memperkenalkan penyelesaian pelanggan yang dipacu oleh teknologi. Pengunjung Karnival Kita OK! turut berpeluang mencuba inisiatif perintis dalam kemajuan teknologi kesihatan melalui Binah.ai iaitu pengesan kesihatan yang menggunakan kecerdasan buatan (AI) untuk mengukur data kesihatan dalam masa nyata melalui kamera pada peranti. Lebih 400 peserta memperoleh manfaat daripada ujian kesihatan berteknologi terkini ini.

Bukan itu sahaja, sejajar dengan komitmen Zurich Malaysia terhadap masa depan yang lebih hijau, pengunjung juga berpeluang menyertai Bengkel "Plant Mixology" oleh Eats, Shoots and Roots, manakala dedikasi Zurich Malaysia terhadap usaha pemuliharaan pula tertumpu pada Sesi Perkongsian Pengalaman dan Fotografi Zurich Cares yang menampilkan Tropical Rainforest Conservation & Research Center (TRCRC), sekaligus menekankan komitmen mereka dalam melindungi spesies pokok terancam di Merisuli, Sabah.

Di samping itu, Perancang Kewangan Bertauliah, Suraya Zainudin, berkongsi kepakaran dan panduan mengenai kesejahteraan kewangan, manakala bengkel pembangunan kerjaya, "Bina Rangkaian Sosial seperti Pakar," yang dihoskan oleh Natalie Kniese, memberikan pandangan berharga tentang pembangunan profesional, penulisan resume, dan persediaan menghadapi temu duga untuk membantu pencari kerja dalam pertumbuhan kerjaya mereka.

Untuk mengetahui berita dan acara terkini, kunjungi laman Zurich Malaysia di [Facebook](#), [Instagram](#) dan [X](#). Ayuh, sama-sama kita tunjukkan bahawa melindungi segala perkara yang bermakna mampu menjadikan rakyat Malaysia lebih bersatu.

###

Nota kepada editor:

Tentang Zurich Malaysia

Zurich Malaysia adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari www.zurich.com.my.